

21 MAR 2002

MAHATHIR-BMW/I

BMW TEMPATKAN PUSAT OPERASI ASIA DI MALAYSIA

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

BERLIN, 21 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata syarikat pengeluar kereta terkemuka Jerman, Bavaria Motor Works (BMW) akan menempatkan pusat operasi untuk rantau Asianya di Malaysia.

Beliau berkata ia akan menjadi satu daripada tiga pusat serantau BMW -- dua lagi ialah di Munich dan di Amerika Syarikat.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini, Rabu lalu, mengenai hasil lawatannya ke Jerman, beliau berkata: "Kita dapat umpamanya mengesahkan BMW akan memindahkan semua operasi serantaunya ke Malaysia.

"Dia akan tempatkan operasinya di Cyberjaya dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) untuk seluruh rantau (Asia).

Dr Mahathir berkata komitmen BMW itu telah dinyatakan kepada MIDA.

"Dia (BMW) sudah buat permohonan, tinggal saya hendak lulus sahaja," katanya.

BMW juga berhasrat menubuhkan pusat latihan untuk kakitangannya di pusat serantau itu.

Apabila ditanya sama ada ini adalah satu kejayaan ekonomi bagi Malaysia, beliau berkata: "Saya tidak tahu, tetapi kita mengalu-alukan mereka."

Dr Mahathir turut melawat kilang BMW di Munich dalam lawatan tiga harinya ke negara ini bermula Isnin lepas. Beliau akan berlepas ke Poland hari ini untuk lawatan rasmi selama dua hari.

"Saya pergi ke BMW untuk melihat teknologinya termasuk apa dia buat sekarang ini. Rolls Royce ialah milik BMW, dan mereka telah keluarkan model terbaru Rolls Royce yang dibuat oleh BMW," katanya.

Sementara itu, ketika ditemui pemberita kemudiannya, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata pengeluar kereta gergasi itu telah memohon beberapa insentif fiskal dan bukan fiskal.

"Daripada penilaian sendiri Miti (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri), saya telah melihat permohonan itu, kita boleh memberi sokongan penuh kepadanya dan saya akan menulis kepada Kementerian Kewangan (Dr Mahathir) untuk menyatakan sokongan kami," kata Rafidah.

Terdapat juga permohonan bagi pegangan 100 peratus dalam projek itu di mana ia adalah sejajar dengan dasar pemilikan kerajaan sekarang, katanya.

"Satu pengecualian kecil adalah mereka juga mahu pegangan 100 peratus dalam pengedaran runcit dalam negeri. Tetapi ketika ini kereta-kereta BMW dijual menerusi syarikat-syarikat tempatan seperti Sime Darby, oleh itu mereka kini sedang mencapai beberapa perjanjian dengan syarikat-syarikat tempatan berkaitan bagaimana mereka akan berurusan dengan aspek pengedaran," katanya.

Bagaimanapun, terdapat petanda pihak-pihak terbabit telah berjaya mendapatkan beberapa formula bagi pengedaran runcit di rantau ini, katanya.

"Oleh itu bagi kita ia adalah satu projek yang baik daripada sebuah syarikat asing yang besar seperti BMW. Ia menunjukkan bahawa banyak pihak kini memandang serius tentang faedah Afta (Kawasan Perdagangan Bebas Asean) dan faedah beroperasi di Malaysia bagi rantau Asean," katanya.

Beliau berkata ini adalah pertama kali syarikat besar dalam industri automobil menubuhkan operasi serantau di Malaysia.

Rafidah berharap langkah BMW ini akan menjadi perintis kepada banyak lagi penyerantauan syarikat-syarikat asing di Malaysia, bukan sahaja dalam

automotif tetapi juga sektor lain.

Mengenai mengapa Malaysia dipilih oleh BMW, beliau berkata lokasi strategik Malaysia adalah satu daripada faktornya dan negara juga menyediakan sokongan yang diperlukan oleh mereka.

"Oleh itu Malaysia kini telah menjadi pusat serantau bagi pelbagai kegiatan, bukan sahaja pembuatan tetapi juga pembuatan berkaitan perkhidmatan, kewangan dan sebagainya," katanya. -- BERNAMA

MAM MR ZK